

Scientex yakin siapakan pembinaan 50,000 rumah mampu milik menjelang 2028

Tarikh kemaskini: 07/11/2018

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Pengeluar pembungkusan global dan pemaju hartanah Scientex Bhd yakin dapat membina 3,250 rumah mampu milik di Semenanjung Malaysia setiap tahun bagi tempoh 10 tahun akan datang untuk mencapai Wawasan 2028 syarikat menyiapkan 50,000 unit.

Pengarah Urusannya Lim Peng Jin berkata berdasarkan pengalaman syarikat membina lebih 2,000 unit antara 2014 sehingga 2018, sasaran tersebut adalah realistik, disokong oleh kecekapan Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang diusahakan syarikat itu selama 20 tahun lepas.

"Dengan kuantiti tinggi, reka bentuk dan struktur standard, kami percaya IBS boleh membantu mengurangkan kos pembinaan kepada kira-kira 10-15 peratus dan mempercepat pembinaan.

"Pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan yang diumumkan kerajaan dalam Belanjawan 2019 akan juga dapat membantu mengurangkan kos," katanya kepada pemberita selepas pelancaran buku syarikat itu bersempena dengan ulang tahun ke-50, di sini, hari ini.

Scientex telah menyiapkan 17,500 unit rumah mampu milik berharga RM500,000 dan ke bawah sejak 1995.

Lim berkata syarikat itu telah membangunkan hartanah bernilai RM4 bilion di Johor, Melaka, Selangor dan Perak dengan 75 peratus daripadanya unit berharga di bawah RM300,000 dan bakinya berharga antara RM300,000 dan RM500,000.

Beliau juga berkata walaupun syarikat itu memiliki simpanan tanah seluas 1,335.46 hektar (3,300 ekar) di empat negeri, ia akan terus mencari peluang untuk menambah simpanan tanahnya, terutamanya di Semenanjung Malaysia.

Mengulas pengumuman Belanjawan 2019 mengenai pendanaan awam hartanah yang dipacu oleh sektor swasta sebagai alternatif bagi pembeli rumah kali pertama, Lim berkata, ia adalah satu skim yang inovatif tetapi syarikat itu memerlukan lebih banyak maklumat mengenai mekanisme pelaksanaan.

"Kami tidak berada dalam skim itu, tetapi kami memantau dengan rapat kerana pemaju akan berdepan cabaran bagaimana untuk membantu pembeli rumah mendapatkan pinjaman bank," katanya.

Terdahulu pada majlis itu, Lim berkata Scientex yang diperbadankan pada 1968, menyasar menjadi syarikat bernilai RM10 bilion menghasilkan satu juta tan metrik pembungkusan plastik fleksibel dan menyiapkan 50,000 rumah mampu milik dalam Wawasan 2028-nya.